

02 FEB 2004
Mahathir-PAS
DR MAHATHIR SIFATKAN PAS PARTI GILA UNDI

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan PAS bagaikan gila undi berikutan tindak tanduk parti itu yang menggunakan apa sahaja peluang, termasuk tragedi yang menimpa orang lain, bagi memancing undi.

Beliau juga berkata: "Orang PAS bagaikan tiada kerja lain, selain duduk fikir bagaimana nak tarik undi sahaja."

"PAS nampak apa sahaja peluang yang dia ada, dia akan guna untuk pancing undi, hari-hari orang PAS duk (hanya) fikir undi sampai orang mati kena rogol juga dia guna perkara itu untuk pancing undi.. itu macam gila undi".

"PAS kalau tengok orang, dia nampak mesti guna peluang itu untuk dapat undi padahal kerja kebajikan tak ada. Yang dia tau nak dapat undi sahaja," katanya kepada pemberita selepas melawat projek ternakan udang di Bukit Malut, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang tiba di Lagkawi petang semalam selepas mengadakan rumah terbuka Hari Raya Aidiladha di Jitra, berkata sejak dahulu lagi PAS sememangnya parti yang suka mengambil apa sahaja kesempatan bagi mendapat sokongan.

"Masa kanak-kanak duk belajar, mereka kacau pelajaran anak-anak itu dengan politik mereka. Saya sedih kelakuan PAS itu, saya berharap kanak-kanak itu dibiarkan belajar dahulu dan kemudian apabila mereka telah dewasa dan pandai, pergilah berkempen kepada mereka itu," katanya.

Dr Mahathir berkata berbeza dengan Umno, yang tidak pernah mengambil kesempatan terhadap pelajar dengan berkempen politik kerana tidak mahu mengganggu pelajaran mereka.

Diminta mengulas mengenai prestasi Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sejak beliau menjawat jawatan itu 31 Okt lepas, Dr Mahathir berkata Abdullah telah mencapai kemajuan yang baik dan telah menunjukkan

ketokohan sebagai Perdana Menteri.

"Saya berdoa beliau terus berjaya," katanya.

Mengulas projek udang yang dilawatnya itu, Dr Mahathir berkata di negara ini memang ada banyak peluang perniagaan dan rakyat cuma perlu mempunyai inisiatif untuk berusaha dan meneroka.

Sungguhpun banyak peluang, masih ramai rakyat tidak mahu menceburi projek yang boleh mendatangkan kejayaan, katanya.

Beliau berkata sebagai contoh, projek udang itu sebelum ini sudah 13 tahun tidak beroperasi, namun berdasarkan semangat beberapa usahawan, projek itu berjaya dihidupkan semula dan kini berjaya.

Dr Mahathir bersama isterinya Tun Dr Siti Hasmah kemudiannya melepaskan 50,000 ekor anak udang ke dalam kolam itu.

-- BERNAMA

ZI MZM SOM LAT